



LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN
JALAN SUNGEI UJONG,
70200 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN.
06-7631149



Muzium Negeri Sembilan



<http://lmns.ns.gov.my/en/>

16

TANAH PERKUBURAN
KAMPUNG SIKAI

PETA LUAK GUNUNG PASIR




TANAH PERKUBURAN
KAMPUNG SIKAI



KAMPUNG
SIKAI

TAPAK MEGALITIK

LUAK
GUNUNG PASIR



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*National University
of Malaysia*



SEJARAH LUAK GUNUNG PASIR

Penduduk asal Luak Gunung Pasir adalah terdiri daripada golongan peneroka iaitu orang Minangkabau daripada suku Tanah Datar yang diketuai oleh Sutan Semanik. Sutan Semanik membawa pengikutnya menyeberangi Melaka dan Rembau, kemudian berpindah ke Seri Menanti dan membuka penempatan di Tanjung Alam yang kini sebagai Gunung Pasir. Ketika Gunung Pasir diasaskan urusan adat di luak tersebut kebanyakannya mengikut adat di Luak Rembau. Hal ini kerana kedudukan Gunung Pasir yang berhampiran dengan Luak Rembau menyebabkan pengamalan adat lebih kurang sama.

Apabila penduduk semakin ramai, ketua-ketua suku yang memegang pesaka telah bermuafakat melantik seorang tokoh untuk dijadikan sebagai penghulu bagi mengetuai anak-anak buah mengikut peraturan seperti di Luak Rembau yang sudah lama berpenghulu dan perlantikannya dilakukan di Sikai. Namun begitu, penghulu Luak Gunung Pasir ketika itu tidak diiktiraf oleh sesiapa. Hal ini kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Rembau dan mengakibatkan Luak Gunung Pasir terikat dengan Luak Rembau. Oleh itu, apabila Rembau beraja maka Gunung Pasir juga turut menerima raja yang memerintah.

Sewaktu Yamtuan Seri Menanti tidak diiktirafkan oleh Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu, maka Rembau telah meninggalkan Gunung Pasir. Taat setia Luak Gunung Pasir telah mengikut penghulu Luak Johol dan lain-lain penghulu Luak di Tanah Mengandung berikrar mengaku taat setia kepada Yamtuan Seri Menanti. Disebabkan taat setia terhadap Yamtuan Seri Menanti, penghulu Luak Gunung Pasir telah menerima cop mohor Orang Kaya Mempasir Setiawan.

Pemilihan penghulu adalah menjadi tanggungjawab mutlak Dato' Monti Maharaja dan To' Raja Menteri iaitu buapak, kedua-duanya waris Tanah Datar dan kemudian diperkenankan oleh Dato' Lembaga setiap suku. Terdapat enam suku di dalam Luak Gunung Pasir dan setiap suku diketuai oleh lembaga masing-masing. Berikut merupakan suku dan gelaran bagi Dato' Lembaga:

- a. Dato' Lembaga Seri Maharaja (suku Tiga Batu)
- b. Dato' Setia Lela (suku Seri Lemak Minangkabau)
- c. Dato' Setia Raja (suku Paya Kumboh)
- d. Dato' Bangsa Balang (suku Tiga Nenek)
- e. Dato' Andika (suku Anak Aceh)
- f. Dato' Lela Raja (suku Tiga Batu Lubuk Kepong)

KAMPUNG
SEKOLAH

TINGGALAN TAPAK MEGALITIK LUAK GUNUNG PASIR

1. Kampung Gunung Pasir
2. Kampung Bukit Gunung Pasir
3. Kampung Padang Biawas
4. Kampung Sekolah
5. Kampung Sikai
6. Tanah Perkuburan Kampung Sikai

KAMPUNG
GUNUNG PASIR

KAMPUNG
BUKIT GUNUNG PASIR

KAMPUNG
PADANG BIAWAS